

KELAB RUKUN NEGARA

SK Bandar Utama Damansara (4)

PENGENALAN

Kelab Rukun Negara (KRN) adalah merupakan salah satu aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta di sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Seiring dengan namanya, maka aktiviti yang dijalankan menerusi kelab ini adalah berlandaskan kepada kelima-lima prinsip Rukun Negara yang bermatlamat agar ianya dihayati dan difahami malah dapat dibudayakan dalam kehidupan seharian masyarakat pelbagai kaum di Malaysia khususnya di kalangan warga muda.

LATAR BELAKANG PENUBUHAN KELAB RUKUN NEGARA

Penubuhan Kelab Rukun Negara telah diilhamkan oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi semasa merasmikan sambutan Hari Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2000 di Melaka (ketika itu beliau adalah selaku Timbalan Perdana Menteri). Beliau telah menyarankan agar KRN ditubuhkan di sekolah-sekolah dan IPT supaya menerusi kelab ini pelajar-pelajar / murid akan didedahkan mengenai latar belakang dan falsafah Rukun Negara agar ianya benar-benar dapat diketahui, difahami, dihayati serta dibudayakan dalam hidup seharian. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, maka Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri (JPNIN, JPM) telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

OBJEKTIF PENUBUHAN KELAB RUKUN NEGARA

- i- Memperkenalkan latar belakang dan prinsip-prinsip Rukun Negara;
- ii- Memberi pengertian dan kefahaman tentang kelima-lima prinsip Rukun Negara;

- iii- Menyubur dan mempertingkatkan kesedaran kerohanian akan kepentingan Rukun Negara serta sebagai asas norma kehidupan; dan
- iv- Menjadikan prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai satu amalan cara hidup yang berterusan bagi melahirkan warga Malaysia yang mempunyai jati diri yang unggul, setia, bersatu padu, berwawasan, bermaruah, bersikap terbuka, dan beretika sejajar dengan Misi Nasional.

PENGISIAN PROGRAM DAN AKTIVITI KELAB RUKUN NEGARA

KRN yang diwujudkan di IPT dan sekolah-sekolah melaksanakan aktiviti yang berteraskan kepada pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan (4P) Rukun Negara di kalangan pelajara/murid. Selain itu, kelab ini juga dijadikan sebagai salah satu strategi utama ke arah pengukuhan semangat perpaduan dan integrasi nasional di kalangan pelajar / murid pelbagai kaum.

Aktiviti-aktiviti KRN dirangka dan dilaksanakan berlandaskan kepada kelima-lima prinsip Rukun Negara. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan menerusi kelab ini ialah :

- i- Lafaz ikrar Rukun Negara dalam perhimpunan dan majlis-majlis rasmi;
- ii- Pameran Rukun Negara;
- iii- Forum dan ceramah mengenai kelima-lima prinsip Rukun Negara / Kenegaraan;
- iv- Karnival Patriotik;
- v- Bulan Penghayatan Rukun Negara;
- vi- Pengkisahan Sejarah Negara oleh tokoh-tokoh negara;
- vii- Pertandingan Menulis Esei / Puisi tentang Rukun Negara, patriotisme, dan perpaduan nasional;
- viii- Perkhemahan Kelab Rukun Negara;
- ix- Pertandingan Pidato Rukun Negara;
- x- Kempen Kibarkan Jalur Gemilang;
- xi- Lawatan ke rumah-rumah ibadat, Parlimen, Dewan Undangan Negeri, dan lawatan kenegaraan

KESIMPULAN

Bagi mencapai matlamat untuk membin satu bangsa Malaysia yang bersatu padu selaras dengan wawasan negara, maka penubuhan KRN akan menjadi pemangkin kepada proses untuk mencapai perpaduan yang unggul di negara ini. Dari semasa ke semasa peranan KRN akan diperkukuhkan lagi supaya pencapaian matlamat tersebut dapat direalisasikan. Justeru, sokongan padu dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak adalah faktor terpenting bagi memastikan kelab ini dapat berperanan penting seiring penubuhannya.

LAGU TEMA RUKUN NEGARA

Lima prinsip Rukun Negara
Harus menjadi cara hidup kita
Bukan sekadar ikrar semata
Sekali sekala dibaca semula

Lima prinsip Rukun Negara
Telah menjadi teras perpaduan
Membentuk satu negara
Tanpa mengira agama dan bangsa

Amalkah Rukun Negara
Dalam hidup harian kita
Tanpa mengira tua muda
Mengekalkan warisan kita

Lima prinsip Rukun Negara
Telah menjadi teras perpaduan
Membentuk satu negara
Tanpa mengira agama dan bangsa